

CONTOH SURAT PERMOHONAN WARAN

(Letter head)

“MUAFAKAT KEDAH”

Ruj. Kami : (1) dlm.JKN/KED: 24446 Jld.2

Tarikh : 5 Februari 2017

PENGARAH
JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
SIMPANG KUALA, JALAN KUALA KEDAH
05400 ALOR SETAR
KEDAH
(U.P.: UNIT PEMBANGUNAN)

Tuan,

PERMOHONAN WARAN PERUNTUKAN BP00600 UNTUK KERJA-KERJA PEMBAIKAN, UBAHSUAI DAN NAIKTARAF HOSPITAL/KLINIK

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Sebut Harga bagi Kerja-kerja **Naiktaraf, Pembaikan Dan Ubahsuai Unit Pembangunan, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan** telah disetujui terima oleh Jabatan ini melalui Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga yang telah bersidang pada **4 Februari 2017**.

3. Maklumat penyebut harga yang terpilih adalah seperti berikut dibawah:-

Kontraktor : **KARIB MAJU ENTERPRISE**

Harga : **RM250,000.00**

GST 6% : **RM 15,000.00**

Tempoh : **12 MINGGU**

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pihak tuan untuk mengeluarkan **waran peruntukan sebanyak RM265,000.00** bagi kerja di atas. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan dalam perkara ini dengan kadar **segera** amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MUAFAKAT KEDAH”

Saya yang menurut perintah,

(AIDA JASMIN BINTI MD. JAMIL)

Ketua Jurutera Negeri
b.p Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri